

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**SOALAN NO. 464**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kadar ponteng sekolah mengikut statistik menampakkan kadar penurunan yang berkesan apabila sekolah-sekolah menjalan program “ziarah kasih” ke rumah pelajar-pelajar yang ponteng tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), peratus murid yang direkodkan ponteng sekolah dari Januari hingga November 2018 ialah 2.28%. Walaupun peratusan ponteng pada tahap terkawal, KPM bersama-sama dengan pihak ibu bapa/penjaga dan masyarakat terus komited dengan tanggungjawab untuk membendung gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid.

Program ziarah cakna dan kunjung bantu oleh pihak sekolah adalah inisiatif KPM untuk mendekatkan jurang antara ibu bapa/penjaga dan sekolah serta tidak berfokus kepada murid yang dikesan ponteng sekolah semata-mata. Setakat ini, tiada kajian khusus dibuat oleh mana-mana pihak untuk mengesahkan kaitan penurunan jumlah murid yang ponteng dengan pelaksanaan ziarah cakna dan kunjung bantu oleh pihak sekolah.